

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
TARIKH : 27 NOVEMBER 2017
SOALAN : 52

YB Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berkenaan Hospital Pasir Gudang:-

- (a) tarikh jangka mula dan tamat pembinaan, tarikh dijangka mula beroperasi, serta jumlah kos yang terlibat; dan
- (b) jumlah katil pesakit dan nisbahnya dengan bilangan penduduk Pasir Gudang, serta bilangan doktor dan jururawat yang akan diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman, Hospital Pasir Gudang dengan 304 buah katil dijangka akan ditender pada Januari 2018. Projek pembinaan hospital tersebut dijangka bermula pada November 2018 dan dijangka siap pada November 2022. Hospital ini dijangka akan mula beroperasi dan memberikan perkhidmatan kepada penduduk Pasir Gudang pada bulan Februari 2023. Kos keseluruhan pembinaan hospital ini dianggarkan berjumlah RM 500 juta.